

RM20j untuk Taman Metropolis

Taman berkeluasan 5 ekar itu akan diselenggara Naza untuk tempoh 15 tahun

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Inisiatif menjadikan ibu negara lebih hijau terus diperkasa dengan penglibatan secara langsung pihak swasta dan terbaharu, sejumlah RM20 juta diperuntukkan Naza TTDI bagi membangunkan Taman Metropolis.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, ia merupakan program tanggungjawab sosial korporat yang ditandatangani Naza TTDI bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bawah Greener Kuala Lumpur, Greater Kuala Lumpur/Klang Valley.

Menurutnya, dengan usaha sama itu, taman berkeluasan 5 ekar berkenaan

- Berkeluasan 27,000 kaki persegi
- Mempunyai pusat maklumat dan dewan komuniti
- Ditanam 500 pokok pelbagai spesies

akan diselenggarakan oleh Naza TTDI untuk tempoh 15 tahun.

"Taman Metropolis merupakan taman terbesar yang ditaja setakat ini. Apa yang lebih penting ialah pendekatan proaktif Naza TTDI terhadap DBKL demi melaksanakan inisiatif ini.

"Saya dimaklumkan, Taman Metropolis mempunyai pusat maklumat dan dewan komuniti serta laman



Dari kiri, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Naza World Group Of Companies, Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin, SM Nasarudin SM Nasimuddin, Tengku Adnan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mohd Amin Nordin Abd Aziz dan SM Faliq melakukan simbolik pecah tanah Taman Metropolis.

berbumbung berkeluasan 27,000 kaki persegi membolehkan pelawat berjalan-kaki pelbagai aktiviti luar.

"Ia juga dibangunkan untuk penghuni, pelawat dan juga pelancong Kuala Lumpur terutamanya pe-

serta dan penganjur acara-acara antarabangsa yang dilangsungkan di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang bakal beroperasi tidak lama lagi," katanya sempena Majlis Pecah

Tanah Taman Metropolis, di KL Metropolis, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, inisiatif

pembangunan taman hijau di KL Metropolis disifatkan sebagai satu keseimbangan dalam projek berskala besar berkenaan.

Katanya, Taman Metropolis yang bertapak di Pusat KL Metropolis dijangka siap dan dibuka kepada kegunaan awam pada suku pertama tahun depan.

"Taman ini bakal dihubungkan dengan komponen-komponen pembangunan lain melalui sambungan jejantas pejalan kaki.

"Ia juga akan dilengkapi kemudahan-kemudahan canggih dan serba moden sebagai sebuah kawasan berkemuniti berlandaskan ciri-ciri lestari, meriah dan selamat," katanya.

Taman Metropolis juga akan ditanam 500 pokok pelbagai spesies.